



AKADEMIK

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Bilangan 9 Tahun 2012

PEMAKLUMAN MENGENAI TAHAP PENERBITAN BUKU YANG DITERIMA UNTUK TUJUAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pihak berkenaan di UiTM berkaitan dengan tahap penerbitan buku yang boleh diterimapakai untuk tujuan kenaikan pangkat staf akademik.

LATAR BELAKANG

2. Penghasilan dan penerbitan buku merupakan salah satu petunjuk kecemerlangan akademik kriteria utama dalam urusan kenaikan pangkat staf akademik khususnya ke jawatan Profesor Madya dan Profesor.
3. Bagaimanapun penerbitan sesuatu buku akan melibatkan pelbagai tahap proses bermula dari penerimaan manuskrip sehinggalah kepada tahap percetakan untuk dipasarkan dan jualan dan seterusnya pembayaran royalti kepada penulis. Sila rujuk carta alir proses penerbitan oleh Penerbit UiTM yang dilampirkan.
4. Pada masa ini pihak urusetia dan panel kenaikan pangkat mendapati buku yang diserahkan oleh pensyarah untuk tujuan kenaikan pangkat berada dalam pelbagai peringkat proses penerbitan.

TUJUAN PELAKSANAAN

5. Pihak pengurusan Universiti telah membuat ketetapan bahawa:
 - a. Bagi buku yang masih dalam proses penerbitan oleh Penerbit UiTM, hanya buku yang telah disahkan oleh Pengarah Penerbit UiTM berada di tahap CETAK sahaja boleh diambilkira untuk tujuan kenaikan pangkat staf akademik.

- b. Bagi buku yang diterbitkan oleh penerbit luar, hanya buku yang telah diterbitkan dengan mempunyai nama penerbit dan nombor ISBN sahaja diambilkira untuk tujuan kenaikan pangkat staf akademik.
6. Mana-mana buku yang belum mencapai tahap cetak, misalnya masih dalam proses penyuntingan atau pruf, tidak akan diambilkira dan tidak perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Kecil Kesepakatan di Fakulti/Pusat/Kampus atau Urusetia di Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya, Pejabat Pendaftar dan tidak perlu dibawa semasa temuduga kenaikan pangkat.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling ini dikeluarkan pada 13 Jun 2012.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **13 Jun 2012**.



PROF DR AZNI ZAIN AHMED

Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)


Dikelilingkan kepada:

Naib Canselor
Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Penolong Naib Canselor
Semua Dekan Fakulti / Akademi / Pusat Akademik
Semua Rektor UiTM Negeri /Cawangan
Semua Pengarah Pusat Pengajian / Ketua Bahagian / Ketua Unit
Semua pensyarah
Universiti Teknologi MARA

Bil UiTM : 100-UiTM (TNC(A) 6/2)

Tarikh : 13 Jun 2012

CARTA ALIR PROSES PENERBITAN



PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

a) En. Mohd Najib Mohd Sarif
Penolong Pendaftar
5522 5385 (P)
mnajib@salam.uitm.edu.my

b) Cik Nur Farabiyah Shamsudin
Pegawai Penerbitan
5522 5404 (P)
nurfarabi@salam.uitm.edu.my

c) En. Amirazlan Abdul Razak
Penolong Pegawai Penerbitan
5522 5538 (P)
amirazlan@salam.uitm.edu.my

d) En. Azman bin Ahmad
Pegawai Eksekutif (Manuskrip)
5522 5587
azman779@salam.uitm.edu.my

e) En. Shu'aibi Zainal Abidin
Pegawai Eksekutif (Pembayaran)
5522 5405 (P)
shu_aibi@salam.uitm.edu.my

f) En. Munawwar Hj. Mokhtar
Pegawai Eksekutif (Pemasaran & Jualan)
5522 5383 (P)
munawwar@salam.uitm.edu.my

MAKLUMAT PENERBIT UTM

a) Akaun Bank : Bank Islam (M) Sdn Bhd; 12038010106004

b) Emel : penerbit@salam.uitm.edu.my

<http://www.penerbit.uitm.edu.my>

